



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: +603-88849370
Faks: +603-88849315
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-11/2/2 Jld.3 (73)

Tarikh : 08 Jun 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PROSES PENGESAHAN MAKLUMAT KELAHIRAN DALAM MODUL PENGURUSAN MURID (MPM/APDM) DENGAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa maklumat murid di dalam Modul Pengurusan Murid (MPM/APDM) dibaca dari data kelahiran yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara.
3. Sehubungan dengan itu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah boleh membuat pengesahan terus dengan Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri berkenaan jika terdapat ralat pada maklumat tersebut. Semua permohonan untuk pengesahan dengan Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri perlulah dilampirkan bersama salinan dokumen berkaitan yang telah disahkan oleh Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan.
4. Pindaan status warganegara yang telah disahkan perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Manakala pindaan pada nama, kaum, agama dan jantina boleh dihantar kepada pegawai APDM di JPN masing-masing setelah pengesahan diperolehi dari pihak Jabatan Pendaftaran Negara.
5. Bersama-sama ini disertakan proses kerja bagi mendapatkan pengesahan maklumat kelahiran dengan Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri. Segala maklumat lanjut berkaitan perkara ini boleh diemelkan kepada apdm.team@moe.gov.my atau hubungi Cik Siti Rafidah Sariman di talian 03-88849415.

Sekian, terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

HAJJ AMINUDIN BIN ADAM
Pegarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.


1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4186 9001:2008

PROSES KERJA PENGESAHAN DAN PINDAAN MAKLUMAT KELAHIRAN DENGAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA PERINGKAT NEGERI

Peringkat : Sekolah, PPD




Guru kelas menyemak dokumen asal dan salinan bagi menentusahkan maklumat



Sekolah / PPD mengumpulkan dokumen berkaitan yang telah disahkan oleh PGB dan senarai nama serta dihantar ke pegawai APDM, JPN untuk semakan

Peringkat : Jabatan Pendidikan Negeri

Dokumen yang telah disahkan berserta surat iringan dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri untuk pengesahan




Dokumen dan senarai nama disemak terlebih dahulu dalam sistem MyIdentity oleh pegawai APDM, JPN


Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri membuat pengesahan



- Pindaan maklumat selain dari warganegara boleh dilakukan oleh pegawai APDM, JPN
- Bagi pindaan status warganegara dalam APDM, salinan dokumen maklumat murid yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri perlu diemelkan kepada apdm.team@moe.gov.my



Pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan melakukan siasatan lanjut



Peringkat : BPSH dan Jabatan Pendaftaran Negara

BPSH, KPM melakukan pindaan status warganegara murid